

# Perpustakaan UMS terima 227 koleksi buku peribadi Chong Kah Kiat

UB 17.11.2021 P.06

**KOTA KINABALU:** Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sejumlah 227 koleksi buku peribadi daripada bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Datuk Seri Panglima Chong Kah Kiat.

Sumbangan itu disampaikan sendiri oleh Tan Sri Chong Kah Kiat kepada Ketua Pustakawan UMS, Zawawi Tiyunin dalam satu pertemuan ringkas di Pejabat Chong Kah Group Sdn Bhd baru-baru ini.

Menurut Zawawi, sumbangan koleksi buku dari pelbagai bidang ilmu tersebut menambah lagi sumber akademik yang sedia ada di Perpustakaan UMS.

“Penambahan koleksi buku ini sudah semestinya memberi manfaat besar khususnya kepada para pelajar UMS, apatah lagi buku ini amat bernilai dan disumbangkan oleh seorang tokoh yang telah memberikan sumbangan besar kepada rakyat dan negeri



**PENGHARGAAN:** Chong (kiri) menerima sijil penghargaan daripada Zawawi sebagai tanda penghargaan atas sumbangan koleksi buku peribadi.

Sabah.

“Perpustakaan UMS merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Tan Sri Chong Kah Kiat atas sumbangan ini yang sekali

gus merupakan satu tanda sokongan beliau terhadap perkembangan ilmu di universiti,” katanya.

Dalam sesi pertemuan tersebut, Zawawi turut men-

yampaikan sijil penghargaan sebagai tanda terima kasih kepada Chong.

Hadir sama Timbalan Ketua Pustakawan UMS, Md Sazali Md Salleh.